

**TAJUK: TAKLIMAT DAN MESYUARAT PENYELARASAN PENGGUNAAN
MALAYSIA STANDARD INDUSTRIAL CLASSIFICATION (MSIC) DAN NOMBOR
FAIL JABATAN ALAM SEKITAR**

1.0 Pengenalan

Sesi Taklimat Dan Mesyuarat Penyelarasan Penggunaan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) dan Nombor Fail Jabatan Alam Sekitar telah diadakan pada 13 Februari 2020 di Bilik Mesyuarat Teratai, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya, yang dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasa, dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan Bahagian Teknologi Maklumat. Sesi tersebut bertujuan untuk memaklum dan membincangkan cadangan penggunaan MSIC dan nombor fail JAS berdasarkan ketetapan oleh pihak Jabatan Arkib Negara. Penggunaan MSIC dan nombor fail baru ini akan digunakan sepenuhnya dalam sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar versi 4.0 yang sedang dibangunkan menggantikan sistem EKAS sedia ada di bawah projek pembangunan RMK-11. Taklimat dan mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh 50 orang pegawai yang terdiri dari pegawai teknikal dan pentadbiran dari semua JAS Bahagian di Ibu Pejabat dan JAS Negeri. Sesi tersebut juga dijalankan secara *video conference* bagi JAS Negeri yang tidak dapat menghantar wakil kerana di luar Lembah Klang.

2.0 Kandungan

Taklimat Dan Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Puan Fenny Wong Nyuk Yin, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasa dan turut dihadiri oleh Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah JAS Negeri Perak. Pengisian program merangkumi pembentangan-pembentangan di bawah dan juga sesi perbincangan lanjut:

- Perbentangan mengenai cadangan penggunaan nombor MSIC dalam sistem EKAS versi 4.0 yang disampaikan oleh Puan Zuraini bt Siam dari Bahagian Penguatkuasa;
- Penerangan mengenai penggunaan no fail baru mengikut format dari Jabatan Arkib Negara yang disampaikan oleh Puan Noor Azma binti Muhammad dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan;
- Perbentangan berkenaan pembangunan sistem EKAS 4.0 oleh Bahagian Teknologi Maklumat.

3.0 Kesimpulan

Sesi Taklimat Dan Mesyuarat Penyelarasan Penggunaan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) dan Nombor Fail Jabatan Alam Sekitar bagi memberikan pemahaman dan penjelasan kepada semua JAS Bahagian di Ibu Pejabat dan JAS Negeri dan semua bahagian di JAS Ibu Pejabat berjalan lancar. Selain itu, sesi perbincangan turut memberikan pelbagai input untuk tujuan penyelarasan dan penambahbaikan berkaitan perkara tersebut.

Gambar foto



Gambar 1



Gambar 2

Gambar 1 dan 2: Gambar-gambar sekitar Mesyuarat dan Taklimat berkenaan Penyelarasan Penggunaan Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) dan Nombor Fail Jabatan Alam Sekitar yang dijalankan pada 13 Februari 2020